

PELAJARAN 8 : SABAR MENGHADAPI DUGAAN HIDUP

1. Berikut adalah cara-cara menghadapi musibah, **kecuali**;
 - A. Berputus asa dan memberontak
 - B. Berbaik sangka dengan Allah
 - C. Muhasabah diri dan berusaha mempertingkatkan aqidah
 - D. Yakin dengan sepenuh hati bahawa musibah yang dihadapi ialah ketentuan dan takdir Allah SWT.
2. Pilih pernyataan yang betul mengenai ujian Allah SWT kepada manusia.
 - A. Ujian yang berlaku kepada manusia bukan sunnatullah
 - B. Allah SWT menurunkan ujian adalah untuk menguji keimanan seseorang
 - C. Orang yang tidak sabar dengan ujian Allah SWT akan mendapat rahmat
 - D. Ujian Allah boleh datang sama ada dalam bentuk perintah atau larangan.
3. Sunnatullah bermaksud _____.
 - A. Peraturan dan ketetapan manusia kepada semua makhluk.
 - B. Peraturan dan ketetapan Allah kepada semua makhluk.
 - C. Peraturan dan ketetapan rasul kepada semua manusia.
 - D. Peraturan dan ketetapan Allah kepada orang tertentu.
4. Berikut adalah hikmat disebalik ujian daripada Allah swt, kecuali;
 - A. Meningkatkan dosa manusia
 - B. Mengangkat darjat manusia
 - C. Membezakan antara mukmin dan kafir
 - D. Menguji tahap keimanan manusia
5. Berikut merupakan contoh musibah yang ditimpakan ke atas hambaNya **kecuali**;
 - A. Kekurangan hasil pendapatan
 - B. Kelaparan dan kebuluran
 - C. Perasaan takut
 - D. Kematian orang yang disayangi
6. Ujian merupakan _____ yang berlaku pada manusia daripada Allah SWT.
 - A. Dugaan
 - B. Sunnatullah
 - C. Perkara baik atau buruk
 - D. Perintah Allah SWT
7. Ujian boleh datang dalam beberapa bentuk, **kecuali**;
 - A. Hidayah dan kesesatan
 - B. Kesombongan dan keangkuhan
 - C. Perintah dan larangan
 - D. Perkara yang halal dan haram